

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)

## Mod selamat Windows 10

**B**AGAIMANAKAH cara untuk masuk ke dalam mod selamat atau *safe mode* dalam sistem komputer Windows 10 kerana tidak boleh menggunakan cara biasa?

-ABDULLAH, Klang.

Cara biasa untuk masuk ke mod selamat dalam sistem Windows adalah dengan menekan kekunci F8 atau kekunci F8 berserta kekunci *Shift* (*F8+Shift*) ketika but masuk komputer. Namun begitu, cara ini tidak berkesan untuk sistem Windows 10 atau komputer yang menggunakan sistem UEFI dan storan berasaskan SSD (*Solid State Drive*) kerana proses but masuknya terlalu pantas.

Jadi, terdapat beberapa cara untuk masuk mod selamat dalam sistem Windows 10 yang akan dibincangkan seterusnya.

**1** Penggunaan aplikasi konfigurasi sistem yang lebih dikenali sebelum ini dengan fail *msconfig.exe*. Klik butang Windows bersama R (*Windows+R*). Kemudian, taip perkataan *system configuration* atau *msconfig* pada ruangan kosong dalam program Run. Seterusnya, klik pada pilihan *System Configuration > Boot > Boot options*. Akhirnya, klik pada pilihan *Safe Boot > OK*. Seterusnya but semula komputer atau *Restart* untuk masuk ke dalam mod selamat.

**2** Penggunaan kombinasi *Shift* dan *Restart* (*Shift+Restart*). Klik pada *Start > Power Button*. Seterusnya, klik kekunci *Shift* bersama dengan pilihan *Restart* yang terdapat pada butang *Power*. Cara ini juga boleh digunakan pada butang *Power* pada permualaannya skrin *Login*. Setelah but komputer, pilih menu *Choose an option > Troubleshoot > Advanced options > Startup Settings*. But semula komputer dengan menekan butang *Restart*.

Setelah but, dalam paparan *Startup Settings*, terdapat tiga jenis pilihan but mod selamat iaitu tekan butang F4 untuk mod selamat, butang F5 untuk mod selamat dengan rangkaian dan F5 untuk mod selamat dengan *Command Prompt*.

**3** But komputer menggunakan *Recovery Drive* atau sistem pemulihan. Buat sistem pemulihan semula menggunakan storan USB (*Universal Serial Bus*) menerusi aplikasi *Recovery Drive*.

Kemudian, but komputer menggunakan storan USB yang dibuat tadi. Ketika but, pilih menu *TroubleShoot* dan seterusnya ikut cara seperti mana dalam kaedah kedua untuk masuk ke dalam mod selamat.